

19 JUN 2001

UMNO: LEBIH 800 PERWAKILAN HADIRI TAKLIMAT PRESIDEN UMNO

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Lebih 800 perwakilan hari ini menghadiri majlis taklimat tertutup oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena Perhimpunan Agung parti itu yang bermula esok.

Seorang Ketua Bahagian yang ditemui selepas taklimat itu berkata, Dr Mahathir menekankan pentingnya memelihara perpaduan dalam parti dan meminta ahli menolak politik wang semasa taklimat itu.

Mohamad Noor Husein Ketua Bahagian Jelutong berkata, presiden parti juga meminta agar para anggota menerima keputusan Lembaga Disiplin terhadap beberapa pemimpin bahagian yang didapati bersalah kerana mengamalkan politik wang.

Pada majlis taklimat itu yang diadakan di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra, setiap bahagian Umno hanya dibenarkan menghantar lapan perwakilan bagi mendengar amanat Dr Mahathir.

Perhimpunan agung Umno bermula esok dengan Persidangan Pemuda dan Wanita manakala perhimpunan agung berlangsung dari Khamis hingga Sabtu ini.

Perhimpunan Agung Umno yang ke-55 itu dijangka dihadiri oleh 2,027 orang daripada 165 bahagian Umno di seluruh negara.

Terdahulu, Perdana Menteri merasmikan Galeri Umno di ruang legar Dewan PWTC di sini dan meluangkan masa kira-kira 15 minit untuk melawat dan menghayati gambar-gambar para pemimpin yang terlibat dalam perjuangan Umno sebelum dan selepas kemerdekaan.

-- BERNAMA

AZE PR